



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 22 Tahun 2020

**PINDAAN PERKARA 2.29 PENGURNIAAN AKADEMIK DAN
PERKARA 2.27 INTERSESI DALAM PERATURAN AKADEMIK
BAGI PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA
PINDAAN 2017 (BILANGAN 1)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak yang berkepentingan mengenai pindaan Perkara 2.29: Pengurniaan Akademik dan Perkara 2.27: Intersesi dalam Peraturan Akademik bagi Program Diploma dan Sarjana Muda Pindaan 2017 (Bilangan 1).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Senat pada tahun 2020 telah meluluskan pindaan kepada klausa di dalam Peraturan Akademik bagi Program Diploma dan Sarjana Muda Pindaan 2017 (Bilangan 1) seperti berikut:

Bil.	Kelulusan	Butiran
1.	Senat ke-255 [09 Mac 2020]	Pindaan Klausa Anugerah Naib Canselor (ANC) pada Perkara 2.29: Pengurniaan Akademik.
2.	Senat ke-263 [06 Okt 2020]	Penambahan Klausa pada Perkara 2.27: Intersesi.

PELAKSANAAN

3. Pindaan Perkara 2.29.4 di bawah klausa 2.29 berkenaan pengurniaan akademik adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

2.29.4 Anugerah Naib Canselor (ANC)

Pelajar menerima ANC apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

- 2.29.4.1 Telah tamat program dan berjaya memperolehi AD bagi setiap semester dalam tempoh pengajian minimum, tidak termasuk semester latihan industri (rujuk Jadual 5).
- 2.29.4.2 Telah lulus latihan industri bagi pelajar yang perlu menjalani latihan industri.
- 2.29.4.3 Tidak pernah mengulang mana-mana kursus atau berstatus TL.
- 2.29.4.4 Tidak pernah disabitkan tindakan tatatertib.



4. Pindaan Perkara 2.27 dengan menambah klausa yang dinyatakan di bawah dan pelaksanaan pindaan ini berkuat kuasa bagi pelajar bermula Sesi II 2019 / 2020 (Mac-Ogos 2020).

2.27	Intersesi
2.27.8	Pelajar layak mendapat ANC jika memperolehi PNG 3.50 dan ke atas bagi kursus yang bergred pada setiap Semester Intersesi yang didaftar.

5. Kerjasama ketua jabatan di fakulti / UiTM cawangan / kampus / Pusat Tanggungjawab (PTJ) dipohon untuk menguar-uarkan maklumat ini kepada semua warga di jabatan masing-masing.

PEKELILING BERKAITAN


6. Perkara 2.29.4: Anugerah Naib Canselor (ANC) dan Perkara 2.27: Intersesi dalam Peraturan Akademik bagi Program Diploma dan Sarjana Muda Pindaan 2017 (Bilangan 1) sedia ada adalah terpinda.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan pada 24 November 2020.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai Sesi II 2019 / 2020 (Mac 2020).



PROF. Ts. Dr. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 24 November 2020
Kategori Pekeliling : Peraturan Akademik